

KESENIAN ISLAM: KAEDAH MEMARTABATKAN MASHAF AL-QUR'AN DI YAYASAN RESTU SELANGOR

Nurul Natasha Binti Mohd Riza¹
Nurul Husna Binti Abdul Wahid²
Prof. Madya Dr. Syed Najihuddin Syed Hassan³

¹Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: natashariza@raudah.usim.edu.my)¹

²Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: nurulhusna.ck@raudah.usim.edu.my)²

³Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: syednajihuddin@usim.edu.my)³

Abstrak: *Kedatangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. dalam penyampaian kitab suci al-Qur'an sebagai panduan dan bimbingan kepada umat Islam adalah merupakan suatu kurniaan yang besar daripada Allah S.W.T. Kitab al-Qur'an yang mahfuz sehingga ke hari ini dikumpulkan dengan pelbagai peringkat yang khusus dan rapi hasil daripada usaha dan ijtihad para sahabat Baginda S.A.W. Sebagai tambahan, pemeliharaan kitab suci al-Qur'an yang berterusan sehingga ke zaman moden kini memiliki kaedah dan gaya yang unik seterusnya membuktikan keindahan kesenian Islam yang mempunyai identitinya yang tersendiri. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menerangkan bagaimana mashaf-mashaf al-Qur'an ini disalin, dicetak, disusun dan dihias di Yayasan Restu yang bertempat di Selangor. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana institusi Yayasan Restu ini berfungsi dalam memartabatkan mashaf al-Qur'an. Akhir sekali, memberikan kesedaran akan nilai-nilai seni dan estetika Islam yang indah yang ditampilkan kepada masyarakat di institusi Yayasan Restu di Shah Alam, Selangor. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah menerusi kaedah kualitatif yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu penyelidikan serta penelitian di institusi Yayasan Restu melalui sumber-sumber bahan bacaan. Disamping itu, menemuramah wakil institusi Yayasan Restu untuk mendapatkan beberapa maklumat tertentu mengenai proses pemeliharaan dan memartabatkan mashaf al-Qur'an. Kesimpulannya, kita dapat lihat hari ini bahawa kreativiti dan inovasi yang diterapkan dalam kesenian Islam khususnya dalam proses pembikinan mashaf al-Qur'an di Yayasan Restu ini dapat memberikan dampak yang besar kepada perkembangan komuniti umat Islam serta meninggikan kedudukan kalam suci Allah S.W.T.*

Kata Kunci: *Mashaf al-Qur'an, Yayasan Restu, kesenian Islam.*

PENDAHULUAN

Sejarah penulisan al-Quran merupakan objektif yang penting yang mana di dalamnya mengandungi sejarah kisah-kisah proses perjalanan penulisan kitab suci al-Quran. Istilah “Mushaf⁶⁸” merupakan perkataan bahasa Arab yang secara harfiah bermaksud "kulit", iaitu kulit buku, tetapi digunakan dalam konteks ini untuk merujuk kepada senaskah kitab al-Quran. Sejarah pengumpulan mushaf al-Quran telah melalui perjalanan zaman yang sangat panjang. Bahkan keberadaan sesebuah mushaf al-Quran merupakan suhuf kitab yang mula diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan ia ditulis di dalam bentuk mushaf serta diriwayatkan kepada umat Islam dengan tartil (Abd al-Karim Zaidan, 1996: 152). Al-Quran juga merupakan pedoman untuk manusia di muka bumi ini bagi membuktikan kewujudan pencipta dan kerasulan nabi-Nya yang mana ia dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas dan bagi sesiapa membacanya merupakan ibadah.

Ayat-ayat yang diwahyukan Allah SWT mempunyai makna-makna tersendiri yang boleh difahami secara jelas, tanpa sebarang kesamaran atau difahami secara tersirat, yang memerlukan kepada penjelasan serta penerangan Nabi Muhammad SAW sendiri bagi menghuraikan ayat-ayat tersebut melalui hadis baginda SAW. Dan al-Quran merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW. Justeru, tujuan bagi kajian ini adalah: -

- I. Menerangkan bagaimana mashaf-mashaf al-Qur'an ini disalin, dicetak, disusun dan dihias di Yayasan Restu Shah Alam, Selangor.
 - Di Yayasan Restu pelbagai peringkat cetakan, salinan dan susunan mashaf-mashaf al-Quran yang akan dipamerkan di galeri ditetapkan. Antara proses-proses pembuatan AL-Quran mushaf Malaysia ialah penetapan warna oleh pereka bentuk, lembaran diterapkan dengan dedaun emas tulen pada bingkainya, ayat-ayat Al-Quran disalin oleh khattat & khattah, selepas itu ayat Al-Quran ditashihkan, dan akhir sekali kerja percetakan mushaf Al-Quran di Kompleks Nasyrul Quran.
- II. Menjelaskan bagaimana institusi Yayasan Restu ini berfungsi dalam memartabatkan mashaf al-Qur'an
 - Untuk memartabatkan mashaf al-Quran, manuskrip ini disalin tangan oleh penulis khat Yayasan Restu seramai 5 orang semenjak tahun 2015 dan disiapkan pada tahun 2019. Teks al-Qur'an ini merupakan teks al-Qur'an yang terbaru daripada 10 manuskrip al-Qur'an salinan tangan yang dihasilkan oleh Yayasan Restu. Usaha penyalinan mushaf ini dinamakan projek Mushaf Razzaq. Buat julung kalinya, al-Qur'an yang menampilkan tulisan atau teks al-Qur'an yang lebih tebal, jelas dan mudah dibaca. Selain daripada itu, Yayasan Restu memiliki tiga galeri yang membentuk Muzium al-Quran Mushaf Malaysia. Galeri ini mempamerkan beberapa salinan al-Quran hasil tulisan tangan yang diusahakan dan diterbitkan sama ada melalui kakitangan mahupun para khattat lainnya. Selain itu, setiap galeri ini juga memiliki pelbagai jenis produk artistik seni Islam dari pelbagai cabang berbeza yang dihasilkan oleh yayasan, seperti karya seni khat,

⁶⁸ Mushaf al-Quran menurut sebahagian sejarawan di antaranya Ibnu Kasir, tujuh salinan al-Quran di zaman Uthman bin Affan adalah satu disimpan di Madinah yang dikenal dengan Mushaf al-Imām, enam salinan lainnya disebar ke beberapa daerah wilayah Islam pada masa itu, iaitu Mekah, Kufah, Basrah, Syam, Yaman dan Bahraen.

kraftangan berunsur Islam dan juga barang-barang cenderamata. Antara galeri-galerinya ini ialah: Pertama, Galeri Utama yang merupakan tempat pengumpulan al-Quran Mushaf Malaysia. Kedua, Galeri kedua merupakan penyimpanan dan tempat pameran al-Quran Mushaf Nur Fatimah. Dan ketiga adalah Galeri ketiga merupakan penyimpanan al-Quran Mushaf al-Sakinah. Selain dari tiga galeri tersebut, yayasan ini juga mempunyai sebuah bilik khas yang di kenali sebagai Manuskrip Raudhah atau sebuah bilik yang di kawal khas di mana semua manuskrip asli milik Yayasan Restu dan manuskrip-manuskrip lama dari seluruh dunia disimpan rapi di sini.

- III. Memberi kesedaran akan nilai-nilai seni dan estetika Islam yang indah yang ditampilkan kepada masyarakat
- Bagi menerapkan nilai-nilai estetika di dalam jiwa masyarakat, kini Yayasan Restu telah mengadakan Lawatan secara percuma kepada orang ramai dan digalakkan untuk melakukan wakaf Al Quran yang disediakan kepada para pengunjung. Dengan itu, ia adalah cara untuk kita membantu saudara seagama kita di tempat lain untuk memperoleh dan membaca Al Quran. Selain daripada itu, pengunjung juga boleh menyumbang kepada penghasilan Al Quran mushaf Malaysia. Di samping itu, memberi kesedaran kepada pihak masyarakat melalui penyebaran di media sosial dengan menyampaikan dakwah tentang kelebihan mushaf-mushaf serta menambahkan ilmu pengetahuan tentang proses pembuatan Al-Quran.

KAJIAN LITERATUR

Bagi menghasilkan sebuah lagi manuskrip al-Qur'an beriluminasi penuh yang menekankan aspek estetik dalam konteks seni khat dan zukhruf yang terhasil daripada seni Islam yang luhur. Namun, yang lebih utama daripada itu adalah menzahirkan keinginan yang kuat untuk menegakkan agama yang syumul melalui usaha membudayakan masyarakat dengan al-Qur'an. (Yayasan Restu, 1998)

Yayasan Restu merupakan Pusat Kesenian Islam bermula dengan projek penyalinan mushaf al-Qur'an pertama Malaysia dan perkembangan seni Islam supaya ianya terpelihara dan tidak pupus. Ia ditubuhkan pada tahun 1987 dan sejak daripada itu, Yayasan Restu telah berkembang pesat dengan produk-produk yang mempunyai ciri unik dan tersendiri. Yayasan Restu ingin menghasilkan sebuah al-Quran yang berinovasi penuh yang menggunakan motif-motif tempatan di Malaysia dan juga menggunakan kepakaran anak-anak tempatan untuk menyalin cetakan AL-Quran. Pada tahun 2000, Yayasan Restu telah berjaya menghasilkan al-Quran mushaf Malaysia. Mushaf Malaysia ini bermakna daripada awal, daripada perancangannya, latihannya, penulisannya daripada mencari motif-motifnya, kerangkanya membuat kajian yang mendalam semuanya dihasilkan oleh anak tempatan kita. Akhirnya, Yayasan Restu dapat menghasilkan satu mushaf sebuah al-Quran yang tercantik yang menjadi warisan kita. Bukan sahaja di Malaysia malah di dunia. Daripada sebuah manuskrip, sekarang sudah ada 10 manuskrip dan manuskrip-manuskrip ini ialah manuskrip yang disalin, yang ditashih dan boleh dicetak. Oleh itu, Yayasan Restu dapat mencetak al-Quran kita yang pertama di Malaysia. Sekarang ini kita ada lebih kurang 25 buah al-Quran yang telah Yayasan Restu hasilkan cetakannya dengan menggunakan al-Quran terjemahan Bahasa Malaysia, terjemahan dalam Bahasa Jawi, terjemahan dalam Bahasa Inggeris, terjemahan dalam Bahasa Kazab, terjemahan Bahasa Hausa. Antara produk Yayasan Restu ialah: karya kaligrafi, hiasan berwarna pada helaian dan manuskrip, jubin, hiasan dalaman, bahan pengiklanan, faksimili

mushaf lama, perisian Islam, dan banyak lagi. Galeri cenderahati adalah tempat terbaik untuk membeli produk seni Islam Yayasan Restu. (Restu-Art, 1998)

Kemudian harini, Yayasan Restu sudah memiliki kaligrafi-kaligrafi atau penulis khat yang dibawa dari India, Mesir untuk ditempatkan di Nasyrul Quran. Yayasan ini telah menjadi pusat rujukan untuk manuskrip, warna dan reka bentuk Islam serta pusat cenderahati dan kraf Islam. Yayasan ini telah membawa gaya yang unik dalam memelihara seni mushaf dengan menghasilkan pelbagai jenis mushaf tulisan tangan yang dihias penuh; disertai terjemahan dalam pelbagai bahasa. Tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan yang terperinci dilakukan sebelum sebarang kerja lain dilaksanakan. Pusat kesenian ini mempunyai lebih daripada 11 jabatan yang masing-masing menghasilkan produk yang menggabungkan unsur-unsur kesenian Islam. Dengan ini, dijadikan sebagai usaha sambungan Yayasan Restu untuk mewujudkan banyak lagi manuskrip-manuskrip yang ditulis tangan, jenis cetakan dalam pelbagai jenis al-Quran. Usaha-usaha seperti ini akan memberikan keyakinan kepada Yayasan Restu untuk terus maju ke hadapan dan menjadikan al-Quran sebagai tunggak perjuangan umat Islam. (Nasyrul Qur'an, 2002)



Gambar1: Seni kaligrafi yang ditunjukkan di Yayasan Restu

PROSES PENYALINAN AL-QUR'AN DI YAYASAN RESTU



Gambar 2: Proses pembuatan al-Qur'an mushaf di Yayasan Restu dan Nasryul Qur'an.

Penulisan ayat al-Quran berkembang pesat setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW demi menjaga kesuciannya apabila tercetusnya perang Yamamah⁶⁹ yang menyebabkan syahidnya ribuan huffaz al-Qur'an melalui ijhtihad para sahabat. Setelah itu, al-Quran ini dibukukan pada zaman pemerintahan khalifah Islam ketiga, khalifah Uthman R.A. Kemudian pada hari ini, muncul satu seni iaitu seni hiasan al-Quran yang merangkumi kaligrafi, tanda baca, tanda ayat, hiasan muka surat, warna dakwat, penjilidan dan kulitnya.

Di Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Yayasan Restu menjalankan fungsi berkenaan. Yayasan Restu dikenali dunia sebagai pertubuhan yang menjalankan usaha menyalin mushaf al-Quran, naskah beriluminasi menggunakan tulisan tangan sepenuhnya. Di dalam proses penyalinan mushaf di Yayasan Restu, terdapat beberapa langkah dan aturan demi menjaga kesucian ayat-ayat ini. Proses penyalinan mushaf al-Qur'an ini amat berbeza berbanding dengan penyalinan teks, naskah dan skrip lain. Ia memerlukan kajian dan penyelidikan yang terperinci dan menyeluruh. Menerusi usaha Yayasan Restu manuskrip hasil dan salinan mempunyai identiti dan keunikannya yang tersendiri dimana proses tersebut disertai dengan hiasan dan corak dalaman tempatan pada setiap helaian al-Qur'an. Ia telah menjadi satu tarikan sehingga dieksport ke negara asing.

Walaubagaimana pun, proses menyalin Quran ini telah dilakukan oleh tujuh pakar penulis khat, lima daripadanya anak tempatan manakala dua lagi masing-masing dari Mesir dan India. Penulis khat berkenaan mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang seni kaligrafi Islam yang bukan saja tahu menjadikan teks al-Quran itu cantik malah faham erti

⁶⁹ Perang Yamamah berlaku pada tahun 12 hijrah bersamaan dengan bulan Disember 632 M. Perang ini berlaku akibat penentangan yang dilancarkan oleh Musailamah al-Kazzab yang berpusat di Yamamah terhadap kerajaan Khulafa al-Rasyidin pimpinan Saidina Abu Bakar.

setiap patah perkataan yang disalin untuk dijadikan sebuah manuskrip. Pada peringkat awal, penulis dibawa masuk ke sebuah bilik yang sedikit terasing daripada tumpuan laluan orang ramai yang menempatkan kumpulan pemeriksa teks yang tugasnya memeriksa setiap patah perkataan salinan teks al-Quran oleh penulis khat.


Setelah penulis khat membuat beberapa salinan, ia akan dirujuk kepada mushaf sedia ada yang sudah diperakui kesahihannya, seterusnya salinan itu juga akan diperiksa oleh beberapa penghafaz al-Quran. Mereka akan memeriksa setiap inci penulisan yang disediakan oleh penulis antaranya jarak baris pada huruf. Berbeza di kilang percetakan Nasyrul Qur'an di Putrajaya, di situ hampir 90 peratus operasi menggunakan mesin yang bernilai jutaan ringgit dan selebihnya memerlukan ketajaman mata pekerja untuk memeriksa setiap helaian al-Quran yang sudah dijadikan mushaf.



Gambar 3: Keindahan seni pada rangka Salinan helaian mushaf yang memaparkan motif buah-buahan bagi menarik minat kanak-kanak untuk membaca al-Qur'an.

Akhirnya, ia ditambah pula pada setiap helaian mushaf seni corak yang pelbagai. Ada yang mengikut motif budaya tempatan dan motif budaya negara luar seperti negara Palestin, Syria, Kemboja dan sebagainya. Abdul Latiff berkata, hiasan yang dihasilkan mempunyai erti tersendiri kerana warna dan bentuk yang menjadi bingkai pada setiap helaian mempunyai maksud berkaitan budaya, alam semula jadi serta mercu sesebuah tempat. Yayasan ini dilihat telah membawa gaya yang unik dalam memelihara seni mushaf dengan menghasilkan pelbagai jenis mushaf tulisan tangan yang dihias penuh; disertai terjemahan dalam pelbagai bahasa. Tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan yang terperinci dilakukan sebelum sebarang kerja lain dilaksanakan.

CABARAN PENYALINAN AL-QUR'AN DI YAYASAN RESTU



Gambar 4: Rangka helaian mushaf bagi proses penyalinan al-Qur'an.

Penyalinan al-Qur'an amat berbeza berbanding dengan penyalinan teks, naskah atau skrip lain. Ia memerlukan langkah yang tersusun dan teratur demi menjaga kemaslahatan Kalamullah tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat sedikit cabaran dalam proses penyalinan ayat al-Qur'an di Yayasan Restu antaranya ialah pada setiap pagi, sebelum proses penyalinan ayat suci al-Quran dijalankan, penulisnya akan melakukan solat Dhuha dan solat hajat berjemaah bagi memohon keberkatan daripada Allah SWT. Penulis juga didapati perlulah sentiasa dalam keadaan berwuduk demi menjaga kesucian ayat suci berkenaan.

Ketua Jabatan Kaligrafi Yayasan Restu Mohd Zulfikri Mohd Sobri berkata, al-Quran adalah kata-kata Allah SWT, justeru, persediaan teliti dilakukan sebelum penyalinannya. Beliau juga berkata "menyalin ayat al-Quran berbeza dengan menulis penulisan biasa. Ada adab tertentu yang harus dipatuhi sama seperti membaca al-Quran seperti penyalin perlu menghadap tulisan ketika menyalin dan bukan daripada tepi."

"Penyalin juga perlu memakai baju lengan panjang atau sekurang-kurangnya pelapik di atas kertas ketika proses penyalinan dijalankan. Adab menyalin ini sama seperti mengaji al-Quran yang perlu dijaga tata susilanya, sambil menyalin kita akan membaca dan secara tidak langsung kita akan ingat ayat al-Quran berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, beliau membeberitahu bahawa tiada sebarang tempoh waktu yang diberikan atau ditetapkan bagi menyalin sehelai lembaran ayat al-Quran kerana kemahiran dan kepantasan setiap para penyalin ayat al-Qur'an berbeza. Ada yang dapat menyiapkannya awal dan sebaliknya kerana ia memerlukan 'jiwa' ketika menyalin ayat-ayat al-Qur'an tersebut bagi menghasilkan kualiti yang terbaik.

CIRI-CIRI MUSHAF AL-QURAN MALAYSIA



Gambar 5: Ketua Jabatan Kaligrafi Yayasan Restu, Mohd Zulfikri Mod Sobri yang bertanggungjawab didalam kerja penyalinan al-Qur'an.

Di negara Malaysia, kini telah berjaya melahirkan mushaf tulisan tangan yang indah bertaraf cetakan koleksi dan mencapai kepiawaian Antarabangsa dalam bidang penerbitan kitab suci al-Quran. Kejayaan mencapai kualiti tinggi dalam penerbitan al-Quran termasuk di dalam senarai kejayaan menyumbang kepada wawasan negara. Oleh itu, berikut menjadi ciri kebanggaan mushaf tersebut:

- Mushaf ini dikeluarkan melalui Yayasan Restu dapat menjadi bukti adanya potensi yang tetap ada pada orang Melayu dengan mencerminkan seni budaya masyarakat dari 14 negeri di Malaysia.
- Mushaf ini menjadi satu cara untuk mengekalkan apa yang dipanggil oleh orang Melayu sebagai tulisan Jawi yang berasal dari tulisan Arab. Seni tulisan Arab atau khat adalah antara seni tulisan yang mencerminkan keindahan seni halus dalam Islam, sebab tulisan khat dapat membuktikan tulisan tersebut boleh menjadi begitu cantik dan menarik.
- Mushaf ini adalah bahagian daripada satu ibadat. Di zaman sebelum ada percetakan, al-Quran terpaksa ditulis dengan tangan, kerap kali di atas kulit atau daun. Mereka yang menghasilkan al-Quran tulisan tangan ini, memberi perhatian bukan sahaja kepada tulisan yang baik tetapi juga kepada hiasan.
- Melalui mushaf ini bukanlah merubah al-Quran kerana ia tidak akan berubah. Walaupun ada yang cuba menulisnya semula tetapi umat Islam tidak menerima sebarang pindaan kepada al-Quran demikian pula dengan mushaf ini. Kononnya ini adalah percubaan untuk mengubah al-Quran. Padahal tidak ada perubahan yang dibuat kepada al-Quran kerana ia mengandungi wahyu daripada Allah SWT.
- Mushaf ini menjadi kebanggaan masyarakat Melayu sebagai hasil tulisan yang cantik dan menarik ini, kerana ia memiliki rekaan hiasan bidai atau kerangka ayat. Menggunakan motif-motif daripada bunga, corak-corak geometri sebagai panduan asas untuk rekaan tersebut. Tata warna yang tersusun cantik dan menarik untuk setiap elemen, kemudian ada lakaran menggunakan emas dan

warna-warna lain. Proses meletakkan lakaran emas dan pewarnaan ini semuanya dibuat dengan menggunakan tangan.

PELBAGAI JENIS MUSHAF AL-QURAN MALAYSIA

Peranan seni yang utama ialah mengukuhkan tauhid di kalangan umat Islam. Seni didapati dalam dua bentuk iaitu ‘seni untuk seni’ dan ‘seni untuk masyarakat’⁷⁰. Di Malaysia terdapat 4 jenis mushaf Al-Quranm antaranya ialah: -

Pertama, Mushaf al-Quran Malaysia Taba’ah Ma’ārij al-Jamal (Cetakan awam): Mushaf ini menggunakan percetakan berkualiti, memiliki corak dan motif budaya Melayu. Penggunaan hiasan corak yang cantik, di mana satu motif berbeza sebanyak 20 muka suratnya direka dan dijadikan sebagai hiasan setiap 20 muka surat yang berbeza pula dengan lembaran berikutnya. Sejumlah rekaan corak dan motifnya telah menghiasi setiap lembaran-lembaran mushaf ini yang berwarna-warni sehingga ke lembaran muka surat terakhir. Proses mewarnai dengan mengambil masa selama 5 (lima) tahun untuk disiapkan secara keseluruhannya.



Gambar 6: Ilustrasi Hiasan Corak Dan Motif Budaya Melayu Di Helaian Mushaf Al-Qur’An.

Kedua, Mushaf al-Quran Malaysia Taba’ah Ain al-Taqwa (Cetakan koleksi): Mushaf ini melalui proses pencetakan berkualiti tinggi, memiliki lebih daripada 1000 (seribu) motif seni visual Melayu yang mewakili setiap negeri seluruh Malaysia. Penggunaan hiasan menarik, di mana satu motif berbeza direka untuk dijadikan sebagai hiasan setiap 2 (dua) juz, sebelum masuk ke juz berikutnya. Mushaf ini, disiapkan cetakan khas menjadi 3 (tiga) jilid dengan meliputi kulit luaran terbuat daripada kulit asli berkualiti tinggi. Kertas pula terbuat daripada kulit kambing berkualiti bebas asid yang menjadi bahan utamanya.

Ketiga, Mushaf Malaysia dan terjemahannya iaitu mushaf yang dirasmikan penggunaannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-5 Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tarikh, 10 September 2005 di Masjid al-Taqwa Mak Mandin Pulau Pinang.

⁷⁰ Mahyudin Yahaya (2005), Tamadun Islam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, h.449

Penerbitan al-Quran terjemahan ini di bawah pengawasan bahagian mushaf al-Quran di Jabatan Pejabat Perdana Menteri, sejak tarikh 24 Disember 2004. Tulisan yang digunakan adalah standar mushaf Rasm Uthmani, mudah dan senang untuk dibaca.

Keempat, Juz Amma Multimedia (QUMP) adalah mushaf multimedia yang dilancarkan dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-5 Tun Abdullah Ahmad Badawi, bersamaan tempat, tarikh dan tahun dirasmikannya mushaf al-Quran Malaysia dan terjemahannya. Juz Amma ini adalah projek terakhir Departemen Software dan Multimedia di bawah Yayasan Restu Shah Alam. QUMP menggunakan program standar al-Quran Multimedia. Media ini bertujuan ingin memperkenalkan objektif dan tujuan mushaf ini yang diterbitkan kepada semua umat manusia terutama umat Islam. Selain itu, melalui aplikasi ini bertujuan ingin memperkukuh umat Islam dalam penggunaan ICT. Kandungan projek ini berupa pedoman dan rujukan seperti: Juz amma digital, Madrasah al-Quran (Sekolah al-Quran), Pokok tajwid (Dasar bacaan), Manhaj tahfiz (Kaedah penghafazan) dan Juz amma untuk kegunaan halaqah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, umum diketahui bahawa kitab suci al-Quran amat istimewa berbanding dengan mana-mana kitab. Ia telah dibuktikan sendiri di dalam al-Qur'an di mana menyebut tentang susunan ayat yang rapi dan kemas serta keindahan bahasa Arab yang indah yang bukan sahaja menarik perhatian orang-orang islam bahkan orang-orang bukan islam turut mengkaji dan menyelidik ayat-ayat al-Qur'an ini. Hasilnya, sebahagian besar daripada para pengkaji tersebut adalah mereka memeluk islam kerana terpegun akan keindahan ayat-ayat suci Allah S.W.T. Hal ini dijelaskan dengan banyak ayat antaranya:

الرَّحْمَٰنُ كِتَابٌ أَحْكَمْتُ آيَاتُهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۝

Maksudnya: “Alif, Lam, Ra. Al-Quran sebuah Kitab yang tersusun rapi ayat-ayatnya, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu yang diturunkan daripada sisi Allah Yang Maha Mendalam pengetahuan-Nya (Surah Hud: 1).

Oleh itu, umat Islam perlu memahami susah payah para sahabat, usaha tabiin meletakkan titik dan baris selain tanda panjang serta sod hamzah wasal sehingga al-Quran sampai kepada kita dalam bentuknya sekarang. Mukjizat Rasulullah SAW ini haruslah dipegang kukuh dan erat sebagai panduan utama dalam kehidupan seharian dan pada zaman kini tidak sepatutnya ada mengatakan tidak pandai membaca al-Quran. Setiap muslim haruslah mengambil langkah atau inisiatif dalam mendekati diri kepada Allah S.W.T terutamanya dalam pembacaan al-Qur'an kerana ia digunapakai secara menyeluruh dalam setiap ranjau kehidupan. Akhirnya, kesenian Islam yang dibawa oleh mana-mana pihak terutamanya dalam menyebarkan ayat-ayat suci al-Qur'an ini haruslah disokong dan diwar-warkan di khalayak ramai supaya muncul pemangkin yang akan mewarisi kesenian dalam penulisan, penyusunan dan percetakan mushaf al-Qur'an.

RUJUKAN

- Hasnira Binti Hassan, Norlelawaty Haron, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Noor Shahira Abu Bakar, "Naskhah al-Quran Kilau 'Gaya Terengganu' sebagai Kesenian Teokratik", Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (Bangi).
- Latifah Abdul Majid, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Hamdi Ishak (Mac 2022), "Ethical Disposal of Mashaf al-Quran Damaged by Flood Disaster in Malaysia", *International Journal Of Academic Research In Business & Social Sciences*, Vol.12, No.4 , 2022, Pg. 1518-1529.
- Dr Suhanim Binti Abdullah, Dr Rosnaaini Binti Hamid (2015), "Proceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society", Faculty of Islamic Contemporary Studies, Unisza.
- Hasan Bahrom, S.Salahudin Suyurno, Abdul Qayuum Abdul Razak (2015), "Islamic Heritage Leads the Transformation Of The Ummah", Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka.
- Nik Narimah, Anith Liyana Amin Nudin, Mohd Fauzi Harun, Mohd Amin Mohd Noh (2017), "Potensi Seni Iluminasi al-Quran Mushaf Malaysia", Universiti Teknologi MARA, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Islam Selangor.
- Wan Zakiah Wan Yunus, Engku Razinawaty Engku Chik, Yusni Mohamad Yusak (2017), "Seni Dalam Islam", Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Politeknik Kota Bharu (PKB), Seksyen Pembangunan Dan Penilaian Kurikulum (SPPK).
- Riswadi Azmi, Mustaffa Abdullah (2017), "Manuskrip al-Quran di Alam Melayu: Kajian Terhadap Manuskrip al-Quran Terengganu", Universiti Malaya, *Jurnal Usuluddin* 45 (2) 2017: 18-54.
- Khairul Anuar Mohamad, Mohd Zaini Zakaria, Anuar Hasin (2021), "Sejarah Permulaan Percetakan al-Quran dan Penggunaan Rasm Uthmani", Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization.
- Nik Narimah Binti Nik Abdullah, Mohd Hisyam Bin Johari, Zahara Binti Hj Ramli, Muhamad Fauzi Bin Harun (2019), "Aplikasi Seni Iluminasi al-Quran Mushaf Malaysia Terhadap Seni Reka Grafik", *E -Journal Of Islamic Thought And Understanding*.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fatah Shaharudin (2012), "Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah", Education According to al-Quran and Sunnah and Its Role in Strengthening the Civilization of Ummah) Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Agussalim Beddu Malla (June 2018), "Nilai Estetika al-Quran dan Pengaruhnya Terhadap Jiwa", Sastra Arab, Fakultas Sastra, Universitas Muslim Indonesia.
- Muhd Abdul Afiq Bin Muhd Sahari (Jan 2021), "Sumbangan Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Dalam Memartabatkan Seni Khat di Brunei Darussalam", Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, *International Journal of Umranic Studies*.
- Ainul Kauthar Binti Karim (2017), "Amalan Pengurusan Pelupusan Bahan al-Quran di Malaysia", Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia.

Wan Hakimin Wan Mohd Nor, Mohd Hasbie Al-Shiddieque Ahmad, Zaidul Amin Suffian Ahmad, Mahmud Lutfi Abdul Hadi, *Kepelbagaian Mushaf Al-Quran Masakini Di Malaysia*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS.

Makmur Haji Harun (2016), *Sejarah Penulisan Mushaf Al-Quran Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Mushaf Istiqlal Indonesia Dengan Mushaf Tab'An Ain Al-Taqwa Malaysia*, Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN ke-3At: Park View Hotel & Resort, Pattani, Thailand.

Laman Web Rasmi Yayasan Restu di Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor, No 2A, Persiaran Damai, Seksyen 10 40100 Shah Alam, Selangor, Malaysia. Diambil dari <https://yayasanrestu.com/>

Laman Sesawang Aplikasi Facebook Yayasan Restu. Diambil dari <https://www.facebook.com/yayasanrestu/>

Laman Web Rasmi Nasyrul Qur'an. Diambil dari <https://www.nasyrulquran.com/>